

# SEJAUHMANA KEBEBASAN DALAM MEDIA SOSIAL: PERADABAN SOSIAL DAN PRIVASI DALAM SEMPADAN KEAGAMAAN

**Romlah Ramli, PhD**

Universiti Utara Malaysia  
romlah@uum.edu.my

## ABSTRAK

Kertas kerja konsep ini meneroka sempadan keagamaan dalam peradaban dan privasi yang melihat tahap kebebasan dalam komunikasi media sosial masa kini. Adab, nilai dan norma manusia terutamanya Melayu Islam telah sedia digariskan oleh agama. Garis panduan ini telah dilihat secara aplikasi dengan aliran komunikasi masa kini hasil dari pembangunan teknologi media sosial. Perkaitan ini dibincangkan dengan melihat permasalahan adab bersosial dalam kalangan masyarakat kini menjadi runcing akibat persekitaran sosial yang terlalu terbuka dan diluar kawalan. Kertas kerja ini adalah hasil dari sorotan kajian yang terdahulu dan perbincangan secara dasar perkaitan antara adab perhubungan sosial Islam dan kebebasan penggunaan media secara kolektif dengan peradaban sosial yang ketara dalam jaringan sosial kini iaitu adab pergaulan dan adab aurat. Dimensi ini boleh digunakan secara terus untuk menafsirkan aktiviti sosial dalam jaringan sosial berkenaan dengan merujuk dua aspek utama ciri-ciri jaringan sosial iaitu berbentukvisual dan penulisan.

**Kata Kunci :** Peradaban Sosial Muslim, Budi Bahasa, Privasi Komunikasi Atas Talian

## ABSTRACT

*This paper explores the concept of civilization and religious boundaries to see the freedom of privacy in social media communication nowadays. Manners, human values and norms as referred by Malay Muslims had already outlined by religion. These guidelines have been seen for applications in communication trend as a results from the social media's development. This relationship is discussed to see the social environment problems in society manners which result from the openness society and there is no control. It is from the the literature review and the discussions on the basic of Muslim' etiquette social relationship and the freedom media' usage as collective in communication. In general, this paper has also formulated two manners include the normal social civilization which significant to be discussed in social network; social manners and 'awrah' etiquette. These dimensions can be applied directly to interpret social activities in social networks with respect to reference two major aspects characteristics of the social network.; visual and writing.*

**Keywords:** Muslim' Sosial Etiquette, Budi Bahasa, Online Communication Privacy

## 1. PENGENALAN

Aplikasi terkini jaringan sosial membuka ruang dan peluang kepada masyarakat masakini mewujudkan hubungan secara maya tanpa perlu menghadirkan diri dalam ruang lingkup persekitaran sosial yang nyata. Rentetan dari itu, persekitaran ini telah menjadi penyumbang kepada pandangan negatif sesetengah pihak yang menganggap mereka bebas untuk melakukan apa sahaja yang diinginkan tanpa memperdulikan peradaban sosial dalam Islam.

Peradaban bangsa menjadi kayu pengukur tahap ketamadunan manusia yang merujuk kepada perkembangan nilai sosial kelompok masyarakat tertentu. Adab bersosial dalam kalangan masyarakat kini menjadi runcing akibat persekitaran sosial yang terlalu terbuka dan diluar kawalan. Perkembangan teknologi komunikasi telah memungkinkan aktiviti sosial sekelompok masyarakat tertentu berlaku di luar peradaban Islam.

Islam telah menggariskan asas dalam membentuk tatasusila pergaulan dalam masyarakat. Persekitaran sosial dengan ketertiban peradaban Islam menjadi aspek utama perbincangan dalam penulisan ini yang mana melihat jaringan sosial sebagai pelantar komunikasi secara maya dengan peradaban sosial dalam Islam. Secara dasarnya, pembangunan ciri-ciri baru dalam jaringan sosial telah meletakkan jaringan sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *MySpace* di tangga teratas kepada pengikut dan pengguna setia kepada jaringan sosial berkenaan.

Pengaplikasiannya memerlukan proses pemaparan diri dengan sedikit sebanyak membuka ruang kepada pengguna memaparkan diri mereka supaya kelihatan lebih menarik kepada pihak yang lain dengan bermotifkan mewujudkan hubungan sosial yang segera dengan ramai pengguna lain dan menjadi popular dalam sekelip mata.

## 2. JARINGAN SOSIAL DAN PEMAPARAN DIRI PENGGUNA

Pengguna jaringan sosial merupakan komunikator maya yang berhubung dengan manusia atau pengguna maya lain secara serentak atau tertangguhataupunmewujudkan hubungan baru dalam kalangan pengguna yang sebelum ini langsung tidak pernah berjumpa secara bersemuka (Hargittai, 2007). Perkembangan mendadak industri teknologi maklumat dan komunikasi terutama dalam jaringan sosial telah dipertingkatkan dengan konsep gambar dan penulisan di setiap paparan jaringan sosial berkenaan. Rentetan dari itu, pengguna menggunakan jaringan sosial ini sebagai pentas dalam proses pemaparan diri samada sebagai diri yang ideal pada pihak pengguna lain atau sebaliknya untuk kepuasan peribadi pengguna jaringan sosial berkenaan.

Pemaparan diri adalah teori yang dicadangkan oleh Goffman (1959) berhubung dengan pengurusan tanggapan dalam seni pemaparan diri seseseorang individu. Aktiviti komunikasi interaktif dalam laman sosial ini dilihat sebagai satu 'persembahan', iaitu manusia atau pengguna laman social sebagai 'pelakon'. Secara praktisnya dan bersandarkan kepada pandangan Goffman (1959), komunikator akan menonjolkan diri sebagai manusia yang ideal kepada penonton di mana mereka memberikan penonton gambaran yang selaras dengan matlamat komunikator. Pemaparan diri menyebabkan pelbagai isu seperti, mendedahkan keseluruhan diri dan maklumat peribadi kepada orang lain, cuba mendedahkan diri mereka seperti yang mereka kehendaki atau menonjolkan

sebagai bukan diri sendiri, ada juga yang cuba menyembunyikan identiti kerana mementingkan isu kerahsiaan dan peribadi.

Rentetan dari itu, pemaparan diri adalah aspek penting dalam menilai ketelusan seseorang dalam membina sebuah perhubungan sosial yang mana menurut perspektif Islam. Kajian sebelum ini telah membuktikan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara tahap kepercayaan individu dengan pemaparan diri individu berkenaan. Namun demikian, masihkah terdapat nilai peradaban dalam proses pemaparan diri dalam kalangan pengguna dalam mewujudkan kepercayaan kepada pihak pengguna yang lain.

### 3. PERADABAN SOSIAL DALAM ISLAM

Menurut perspektif Islam, beberapa adab telah digariskan dalam persekitaran pergaulan sosial dalam Islam seperti berikut:

#### 3.1 Adab pergaulan

Adab pergaulan adalah secara jelas menakrifkan bahawa ada garis pemisah yang jelas antara larangan yang telah diperjelaskan dalam Al-Quran malah tidak boleh dipandang remeh oleh manusia dalam menakrifkan adab pergaulan berkenaan. Sebagai contoh bersikap rendah diri dan lemah lembut, menghormati satu sama lain, tidak mementingkan diri sendiri, sentiasa menjaga hati sebelah pihak yang lain, bersikap terbuka jika teguran diterima kearah kebaikan dan sebagainya. Dalam surah As Saff ayat 2:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya!”*

Allah telah menyatakan secara jelas supaya bercakap benar, bukan mendustai sesuatu, malah dalam adab pergaulan dalam Islam, kita dituntut untuk jujur dalam setiap tindakan kita supaya satu set sosial yang wujud tidak berlandaskan dusta dan menimbulkan masalah dikemudian hari. Begitu juga yang dianjurkan di dalam Al-Quran dalam surah At-Taubah ayat 119 seperti berikut:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar.”*

Oleh yang demikian, jujur dalam pergaulan telah digariskan sebagai sifat-sifat terpuji yang amat dituntut oleh Islam. Antara sifat luhur yang terkandung dalam Islam yang boleh dikaitkan secara terus dalam adab pergaulan ada ikhlas dan benar dalam setiap tindakan dan pertuturan merupakan aspek penting dalam membentuk pergaulan yang mulia serta berkekal dan secara lebih hormat. Dalam Surah Luqman ayat 18 hingga 19 berikut turut menerangkan adab-adab dalam pergaulan yang melarang keras menzahirkan perwatakan sombong, riak, memandang rendah terhadap manusia yang lain serta meninggi diri.

*"Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri. Dan sederhanakanlah langkahmu*

*semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai".*

### **3.2 Adab aurat**

Adab aurat dilihat berkait rapat dengan adab pergaulan dalam Islam. Aurat adalah aspek utama yang dilihat dalam pembentukan diri dari segi zahiriah seseorang. Aurat secara dasarnya digariskan dalam Al-Quran berbeza dari lelaki dan perempuan iaitu dengan batasan aurat pada lelaki adalah menutup antara pusat dan lutut, manakala aurat wanita dengan menutup seluruh badan kecuali muka dan tapak tangan namun begitu batasan aurat bagi perempuan adalah berbeza mengikut individu yang berada disekeliling mereka. Dengan penjelasan yang jelas dalam Surah an-Nur ayat 31, perkara seperti bentuk badan, tatarias, cara berpakaian, serta had had bahagian badan yang dibenarkan dalam Islam adalah nyata seperti ayat di bawah;

*“Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.”*

Kajian oleh Mohd Yusof, Farahwahida and Muhamad, Nur Afzan (2010) turut meletakkan dimensi kajian dalam aspek kod etika berpakaian Islam dan aurat menurut perspektif Islam yang merangkumi anggota-anggota badan, pakaian, batasan aurat dan usia yang selayaknya menutup aurat.

Selaras dengan kajian Mohd Yusof, et al. (2010), Islam telah menghalusi peradaban berpakaian dalam Islam terutama wanita, antara garis panduan berpakaian ialah :

1. Pakaian itu hendaklah menutup aurat
2. Pakaian itu hendaklah longgar, tidak sempit atau ketat hingga menampakkan susuk tubuh badan.
3. Pakaian itu diperbuat daripada kain yang agak tebal, tidak nipis atau jarang yang boleh menampakkan bayangan tubuh badan.
4. Pakaian itu tidak berbentuk hiasan yang boleh menarik perhatian orang melihatnya.
5. Pakaian itu tidak menyerupai pakaian lelaki.

Namun begitu, berdasarkan Imam Syafie berpendapat perhiasan yang dimaksudkan terbahagi kepada dua makna iaitu:

1. Perhiasan yang bersifat semulajadi seperti muka, pipi, mulut, mata, bibir, hidung, kaki, betis, peha dan lain-lain anggota.
2. Perhiasan seperti pakaian, alat-alat solek, cincin, rantai leher, gelang kaki dan sebagainya.

Syarak telah menggariskan golongan yang dianggap sebagai mahram kepada seseorang wanita iaitu:

1. Suami
2. Bapa
3. Datuk di kedua belah ibu dan bapa
4. Ayah mertua
5. Anak-anak lelaki termasuk cucu sama ada dari anak lelaki atau perempuan
6. Anak-anak suami - Islam mengharuskan isteri bergaul dengan anak suami kerana wanita tersebut telah dianggap dan berperanan sebagai ibu kepada anak-anak suaminya.
7. Saudara lelaki kandung atau seibu atau sebapa
8. Anak saudara lelaki kerana mereka ini tidak boleh dinikahi selama-lamanya
9. Anak saudara dari saudara perempuan
10. Sesama wanita sama ada kaitan keturunan atau seagama
11. Hamba sahaya
12. Pelayan yang tidak ada nafsu syahwat
13. Anak-anak kecil yang belum mempunyai syahwat terhadap wanita. Walau pun begitu, bagi kanak-kanak yang telah mempunyai syahwat tetapi belum baligh, wanita dilarang menampakkan aurat terhadap mereka.

Aurat lelaki adalah samapada bila-bila masa, namun begitu, bagi wanita terdapat perbezaan dalam beberapa keadaan antaranya:

1. Aurat Ketika Solat - aurat wanita ketika sembahyang adalah menutup seluruh badan kecuali muka dan tapak tangan.
2. Aurat Ketika Sendirian - aurat wanita ketika mereka bersendirian adalah bahagian anggota pusat dan lutut. Ini bererti bahagian tubuh yang tidak boleh dilihat antara pusat dan lutut.
3. Aurat Ketika Bersama Mahram - Pada asasnya aurat seseorang wanita dengan mahramnya adalah antara pusat dan lutut. Walau pun begitu wanita dituntut agar menutup mana-mana bahagian tubuh badan yang boleh menaikkan syahwat lelaki walaupun mahram sendiri.
4. Kewajipan menutup aurat dihadapan lelaki bukan mahram serta aurat ketika dihadapan wanita bukan Islam adalah sama iaitu menutup keseluruhan tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan.

Perkara ini dilakukan bagi menjaga adab dan tatasusila wanita terutama dalam menjaga kehormatan agar perkara-perkara sumbang yang tidak diinginkan berlaku. Perkembangan nilai-nilai Islam telah mencorakkan gaya pemakaian individu agar selari dengan tuntutan Islam. Berfesyen yang keterlaluan adalah dilarang dalam Islam, berhias sekadar rupa yang mana tidak haram disisi Islam dengan tujuan yang baik malah dituntut oleh Islam.

Peradaban aurat dalam Islam secara tidak langsung menjaga kehormatan diri individu, ketertiban tingkah laku serta kawalan tertentu dalam menegah dari berlakunya kemaksiatan.

#### **4. PERKEMBANGAN 'BUDI' DALAM PERADABAN SOSIAL ISLAM**

Budi yang dijelaskan oleh Lim (2003) adalah rangkuman secara konsep 'minda-emosi-moral-kebaikan-praktikal' dalam skala membuat keputusan. Budi adalah sinonim dengan 'budi pekerti', 'akal budi' (minda) dan 'sifat baik' (akhlak) (Lim, 2003). 'Budi pekerti' merujuk kepada kesopanan dan ketertiban dalam bercakap bersandarkan etika dan akhirnya mewujudkan 'akhlak' yang mulia (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Sementara itu, 'akal budi' pula merujuk kepada fikiran, kebijaksanaan dan kecerdasan, dan kecerdasan manusia dalam membina hubungan.

'Budi' juga boleh dikaitkan dengan 'sifat baik' yang didefinisikan sebagai tingkah laku yang baik kepada orang lain. Budi adalah konsep yang secara amnya didimensikan sebagai gaya hidup dan perlakuan seorang komunikator dalam perhubungan dan komunikasi di Malaysia. Budi merujuk kepada kod standad, norma dan nilai-nilai yang menjadi amalan baik di Malaysia, serta diterima oleh masyarakat secara amnya.

Di Malaysia, prinsip Rukun Negara merupakan tonggak negara yang dipegang oleh bangsa Malaysia dalam melahirkan rakyat berpaksikan kepada satu tunjang utama prinsip kehidupan. Merujuk prinsip kesopanan dan kesusilaan secara langsung adalah berkaitan dengan praktikaliti hubungan di kalangan rakyat Malaysia. Nilai ini adalah intisari komunikasi yang seharusnya diamalkan dalam perhubungan manusia, dan ianya dikaitkan dengan tahap peribadi individu (Lim, 2003). Sebagai contoh, 'cakap berlapik' dianggap sebagai nilai yang baik di kalangan orang Melayu (Asma & Perderon, 2003). Walau bagaimanapun, disebabkan oleh pelbagai perubahan persekitaran, seperti sifat keterbukaan dalam ruang siber (Hargittai, 2007), rasa terpinggir, secara nyata atau tidak, menyebabkan sifat kesopanan dan kesusilaan yang merujuk kepada budi telah terhakis sedikit demi sedikit.

Bagi maksud penulisan ini, budi didefinisikan sebagai satu piawaian praktis bagi norma dan nilai budaya masyarakat tempatan yang sekarang lebih sinonim dengan konsep "1 Malaysia". Budi dikategorikan dengan jelas dalam prinsip kelima rukunegara sebagai prinsip kesopanan dan kesusilaan yang mementingkan peradaban dan ketertiban diri dalam hubungan sesama manusia. Budi mencorakkan aspek sosial dalam mewujudkan hubungan antara manusia melalui penekanan tahap kesopanan dan kesusilaan dalam hubungan sesama kaum di Malaysia. Dalam konteks kajian ini, budi adalah nilai serantau bagi rakyat Malaysia yang dianggap penting dalam mengenengahkan identiti diri bangsa Malaysia.

Penjelasan ini meletakkan budi mempunyai impak tersendiri kepada tahap pemaparan diri individu. Dengan perkaitan budi dan jaringan sosial ini membuktikan bahawa kesopanan dan adab dalam perhubungan dan komunikasi merupakan aspek penengah yang penting dalam proses pemaparan diri mereka kepada individu lainnya. Budi memberi impak utama dalam kajian ini dengan menyumbang sebagai faktor penengah antara hubungan yang sedia ada (Romlah, 2013). Aspek 'budi' dalam masyarakat Melayu amnya dan Malaysia secara keseluruhannya adalah cebisan secara terus dari peradaban sosial Islam yang menerapkan nilai murni dalam pergaulan masyarakat.

## 5. PERADABAN SOSIAL ISLAM LUNTUR DALAM PRIVASI JARINGAN SOSIAL

Jaringan sosial sebagai wadah baru dalam proses sosialisasi individu telah menghasilkan arus pergaulan yang lebih terbuka, bebas dan interaktif. Pewatakan pengguna berubah-ubah dengan keseluruhannya menerima pakai aspek kebebasan di media dengan adab-adab Islam dan Melayu yang tenggelam akibat motif pengguna yang terlepas pandang isu berkenaan.

Secara jelas pengguna jaringan sosial secara amnya berdepan dengan ketertiban budaya dan adab-adab Islam melalui dua bentuk asas utama dalam jaringan sosial iaitu:

### 5.1 Visual

Antara sedar atau tidak, pemaparan video atau gambar pengguna dalam jaringan sosial adakalanya diluar batasan adab-adab Islam yang berkaitan adab pergaulan dan aurat yang telah diperjelaskan sebelum ini. Ketertiban agama dan budaya seakan menjadi aspek terkemudian setelah kepuasan dan motif pengguna itu dipenuhi. Sebagai contoh, pemaparan gambar yang melibatkan pendedahan aurat dan adakalanya dalam aksi yang keterlaluan telah menjadi perkara biasa kepada individu berkenaan tanpa ada segan silu.

Aspek privasi diri dalam menjaga batas aurat tidak diperdulikan malah ianya menjadi tontotan umum dikatakan hak mereka. Mungkin kesedaran dalam hukum Islam dan pengetahuan yang rendah dalam konteks adab aurat seperti yang diperkatakan oleh Mohd Yusof, et al. (2010), yang merumuskan bahawa tahap pemahaman aurat wanita itu sendiri masih berada pada tahap rendah yang mana mereka gagal mempamerkan yang mereka benar-benar faham akan batasan aurat, keterbukaan mereka terhadap perbincangan aurat menurut perspektif Islam.

Perkara pokok yang menjadi kebimbangan masyarakat kini, pengguna tidak mempunyai sensitiviti dalam menakrifkan ruang lingkup privasi mereka. Secara dasarnya, jarak sosial menjadi seakan terhapus akibat hilangnya nilai-nilai kerahsiaan ini.

### 5.2 Penulisan

Kaitan antara cara berkomunikasi sesama manusia dalam satu hubungan sosial sama ada komunikasi secara terbuka atau melalui bantuan talian seperti telefon, *internet voice chatting* dan *live video protocol*, pertuturan adalah metod komunikasi yang biasanya dilakukan. Namun, cara komunikasi melalui penulisan adalah aktiviti komunikasi yang utama dalam jaringan sosial sebagai ciri utama pengguna menyampaikan maksud mereka pada khalayak pengguna yang lain. Proses sosialisasi berlaku apabila pengguna menulis sebarang aktiviti yang mereka lakukan, mengekspresikan perasaan mereka serta memberi komen terhadap *post* yang dilakukan di *wall* pengguna lain.

Antara sedar atau tidak, penggunaan bahasa dan ketertiban budaya dalam lengok bahasa dilupakan akibat keghairahan aktiviti ‘penulisan bebas’ di *wall* jaringan sosial berkenaan. Seheinggakan penggunaan perkataan yang diluar tahap kesopanan bahasa tidak mempamerkan struktur nilai-nilai sebagai umat Islam sedangkan Al-Quran dalam ayat sebelum ini telah dengan jelas menganjurkan umatnya bercakap dengan perkara-perkara yang sopan dan tidak sia-sia.

Persekitaran bebas tanpa meletakkan nilai murni Islam juga membenarkan pengguna melahirkan perasaan tanpa batas susila. Ekspresi perasaan seperti memarahi seseorang, luahan hati dan meletakkan diri mereka sebagai yang terhebat, melengkapkan lagi kurangnya pengamalan nilai-nilai luhur dalam adab pergaulan Islam. Pengguna seakan menjadi individu yang lain dan memainkan watak tersendiri dalam proses pemaparan diri yang tidak seperti mereka yang secara realitinya.

## 6. KESIMPULAN

Aspek sosialisasi dalam jaringan sosial masa kini mendapat populariti di semua peringkat umur, bangsa, agama dan pendidikan. Namun, acapkali didengar pengguna memaparkan diri di laman jaringan sosial dengan peradaban yang kurang menyenangkan samada bertujuan memulakan hubungan atau sebaliknya menarik perhatian sebelah pihak yang lain, malah permasalahan komunikasi diluar batas adab-adab pergaulan Islam juga berlaku.

Islam menggariskan peradaban sosial yang jelas dan dalam artikel ini telah merumuskan dua adab yang merangkumi keseluruhan peradaban sosial yang ketara dalam jaringan sosial kini iaitu adab pergaulan dan adab aurat. Dimensi ini boleh digunapakai secara terus untuk menafsirkan aktiviti sosial dalam jaringan sosial berkenaan dengan merujuk dua aspek utama ciri-ciri jaringan sosial iaitu berbentuk visual dan penulisan. Secara kesimpulannya, batasan bersosial perlu diteliti dan dipertimbangkan dalam menilai semula permasalahan sosial yang menular terutama dalam kalangan pengguna kelompok remaja yang mempunyai 'kebebasan yang mutlak' di persekitaran maya.

Hasil dari kertas kerja ini, satu kajian yang menumpukan kepada hubungan pengetahuan adab dalam agama, kesedaran budaya masyarakat dan anggapan pengguna media sosial terhadap kebebasan penggunaan mereka dicadangkan untuk dilaksana bagi penyelidik akan datang.

## BIBLIOGRAFI

Al-Quran

Asma Abdullah & Pedersen, P. B. (2009). *Understanding Multicultural Malaysia: Delights, Puzzles & Irritations*. Kuala Lumpur: Pearson Prentice Hall.

Asmah Haji Omar (1987). *Malay in Its Sociocultural Context*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar (2002). *Setia dan Santun Bahasa*. Tanjung Malim; Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Awang Sariyan (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Che Mahzan Ahmad (2009). Language and Cultural Communication in the Malay Society. In Mohd. Yusof Hussain (eds.). *Intercultural Communication*. Kuala Lumpur: Research Center, International Islamic University Malaysia.

Dahlan, H. M. (1991). Local Values in Intercultural Management. Kampus Sabah Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Sains Pembangunan on 21 June 2011. *Malaysian Management Review 1*. Pg. 45-50. <http://mgv.mim.edu.my/MMR/9104/910405.Html>.



- Ellison, N., Heino, R. & Gibbs, J. (2006). Managing Impressions Online: Self-Presentation Processes in the Online Dating Environment. *Journal of Computer-Mediated Communication* 11 (2006). Pg. 415–441. International Communication Association. doi:10.1111/j.1083-6101.2006.00020.x.
- Goddard, C. (1997). "Cultural Scripts" and Communicative Style in Malay ("Bahasa Melayu"). *Anthropological Linguistics*. Vol. 42, No. 1 (Spring, 2000), pp. 81-106 .<http://www.jstor.org/stable/30028746>.
- Goffman, E. (1959). *The Presentation of Self in Everyday Life*. New York: Anchor Books Edition.
- Hargittai, E. (2007). Whose space? Differences among users and non-users of social network sites. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 13(1), Article 14. Retrieved on January 23, 2010. <http://jcmc.indiana.edu/vol13/issue1/hargittai.html>.
- Hongladarom, K & Hongladarom, S. (2003). *Politeness Ideology in Thai Computer-mediated Communication*. Retrieved on March 3, 2010. <http://homepage.mac.com/soraj/web/Politeness.pdf>.
- Jaafar, J., Kolodinsky, P., McCarthy, S. & Schroder, V. (2004). The Impact of Cultural Norms and Values On the Moral Judgement of Malay and American Adolescents: A Brief Report. *Ongoing Themes in Psychology and Culture* (Online edition). [http://ebooks.iaccp.org/ongoing\\_themes/chapters/jaafar/jaafar.php?file=jaafar&output](http://ebooks.iaccp.org/ongoing_themes/chapters/jaafar/jaafar.php?file=jaafar&output).
- Kementerian Dalam Negeri Malaysia (n.d). *Rukunegara*. Retrieved on July 23, 2010. <http://library.kdn.gov.my/documents/Rukun%20Negara.pdf>.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (2005). *Buku Panduan Budi Bahasa Budaya Kita*. Kuala Lumpur: Author.
- Lim, K. H. (2003). *Budi as the Malay Mind: A Philosophical Study of Malay Ways of Reasoning and Emotion in Peribahasa*. Unpublished Dissertation. University of Hamburg, Germany.
- Locher, M. A. (2010). Introduction: Politeness and impoliteness in Computer-Mediated Communication. *Journal of Politeness Research. Language, Behaviour, Culture* Vol 6, No 1 (2010). Retrieved on May 24, 2010. DOI: 10.1515/JPLR.2010.001.
- March, J. G., & Olsen, J. P. (2004). The logic of appropriateness By. (N. Fairclough, Ed.) *ARENA Working Papers*, 9(09), 1-28. Longman. Retrieved from [http://www.arena.uio.no/publications/wp04\\_9.pdf](http://www.arena.uio.no/publications/wp04_9.pdf).
- Mohd Yusof, Farahwahida & Muhamad Nur Afzan (2010) *Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan Dan Pengamalan Di Kalangan Masyarakat*. Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan Dan Pengamalan Di Kalangan Masyarakat . pp. 1-7. (Unpublished).
- Nik Maheran Nik Muhammad & Yasmin Hassan (2008). Marketing Philosophies and Company Performance: Comparative Study Between Malay Small Firms and Chinese Small Firms in Malaysia. Retrieved on January 27, 2011. [http://www.nikmaheran.com/v1/attachments/029\\_MARKETING%20PHILOSOPHIES%20AND%20COMPANY%20PERFORMANCE.pdf](http://www.nikmaheran.com/v1/attachments/029_MARKETING%20PHILOSOPHIES%20AND%20COMPANY%20PERFORMANCE.pdf).
- Romlah Ramli (2013). Culturally appropriate communication in Malaysia: budibahasa as warranty component in Malaysian discourse, *Journal of Multicultural Discourses*, 8:1,65-78. Retrived from <http://dx.doi.org/10.1080/17447143.2012.753895>.
- Rong Chen (2001) Self-Politeness: A Proposal. *Journal of Pragmatics* 33 (2001) 87-106.
- Storz, M. L. (1999). Malay and Chinese Values underlying the Malaysian Business Culture. *International Journal Intercultural Relation*. Vol. 23 No. 1. Pg 117 – 131. Elsevier Science Ltd.

- Tham, S. C. (1970). *Tradition, Values and Society among the Malays*. Review of Southeast Asian Studies Vol. 4, 40 – 50.
- Tham, S. C. (1977). *Language and Cognition- An Analysis of the Thought and Culture of the Malays*. Singapore: Chopmen Enterprises.
- Upadhyay, S. R. (2010). Identity and Impoliteness in Computer-Mediated Reader Responses. *Journal of Politeness Research*. Language, Behaviour, Culture Vol 6, No 1 (2010).